

Melayu tidak
akan berjaya
jika ada

pihak iri hati

KUALA LUMPUR 23 Jun

— Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, orang Melayu tidak akan berjaya selagi ada pihak yang sentiasa iri hati dengan pencapaian mereka.

Presiden UMNO menarik perhatian, apabila ada orang Melayu memperoleh kejayaan, maka mereka akan terus dilabelkan sebagai kroni kerajaan.

“Kalau dia capai kejayaan walaupun dengan kecekapan dan usaha sendiri, maka dia akan dikata kroni kerajaan, kalau begini, sampai bila pun tidak boleh naik,” ujarnya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) hari ini sebagai mengulas ruangan “Senyum Kambing” dalam *Utusan Malaysia* yang disiarkan hari ini.

Ruangan itu mengemukakan pertanyaan tentang bila akan ada jutawan Melayu yang terkaya selepas empat rakyat Malaysia iaitu tiga berketurunan Cina dan seorang India tersenarai dalam majalah *Forbes Global Magazine*.

Keempat-empat jutawan itu ialah raja gula, Tan Sri Robert Kouk, hartawan balak, Tan Sri Tiong Hiew King, Tan Sri Quek Leng Chan dari Kumpulan Hong Leong dan pemilik Binarang, Tan Sri Ananda Krishnan.

Menurut Dr. Mahathir, ada pihak yang sengaja tidak mahu mengiktiraf kejayaan orang Melayu.

“Tidak boleh ada Melayu, kalau ada yang naik sikit, nak kena tarik turun, kalau begini sampai bila pun tidak boleh berjaya,” katanva.